

27 JAN 2002

Singapura-Malaysia

M'SIA DIMINTA JELASKAN PENDIRIAN MENGENAI ISU-ISU TERTANGGUH

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 27 Jan (Bernama) -- Singapura telah meminta Malaysia menjelaskan pendiriannya mengenai isu-isu dua hala yang tertangguh termasuk isui bekalan air dan tanah milik Keretapi Tanah Melayu di republik itu dalam perkembangan terbaru dalam rundingan kedua-dua negara.

Jurucakap Kementerian Luar Singapura hari ini berkata Singapura telah beberapa kali menulis kepada Malaysia, kali terakhir pada 10 Dis tahun lepas, mengenai pakej isu-isu tertangguh dan masih menunggu jawapan.

Jurucakap itu berkata Singapura telah meminta penjelasan mengenai lokasi stesen kereta api di sini dan landasan tambahan yang Malaysia hendak masukkan dalam pakej itu jika perkhidmatan kereta api, yang sekarang berakhir di Singapura, singgah di Johor.

Mengenai isu air yang dibekalkan oleh Malaysia, jurucakap itu berkata kedua-dua pihak telah menyatakan harga yang mereka jangkakan.

"Singapura telah meminta Malaysia menjelaskan pendiriannya mengenai isu-isu berkenaan bagi mewujudkan rangka pendirian yang jelas bagi kedua-dua pihak, diketuai oleh menteri luar, apabila bertemu untuk membincangkan butirannya," kata jurucakap itu.

Minggu lepas, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kedua-dua pihak belum mencapai persetujuan mengenai harga baru bagi air yang dibekalkan oleh Malaysia sejak tahun 1960-an.

Dr Mahathir berkata Malaysia meminta harga yang berpatutan. Singapura menawarkan untuk membayar 45 sen bagi 1,000 gelen air yang sekarang diperolehinya pada kadar cuma tiga sen di bawah dua perjanjian yang tamat tempohnya pada 2011 dan 2061.

Singapura sekarang mengimport 350 juta gelen air mentah setiap hari dari Johor yang kemudian membeli balik setiap hari 37 juta gelen yang telah dirawat pada harga 50 sen bagi 1,000 gelen.

Jurucaap Kementerian Luar Singapura itu berkata laporan bahawa perjanjian air sekarang adalah tidak sama rata kerana British, yang menjajah kedua-dua negara itu, adalah tidak berasas."

Menurut jurucakap itu, kedua-dua perjanjian itu ditandatangani pada 1961 dan 1962 apabila Malaysia, ketika itu Malaya, telahpun mencapai kemerdekaan sementara Singapura mencapai status berkerajaan sendiri.

Kedua-dua perjanjian ditandatangani antara kerajaan negeri Johor dan Majlis Bandaraya Singapura dan Malaysia tidak mengkaji semula harga air yang dijual apabila syarat-syarat dikaji selepas 25 tahun, masing-masing pada 1986 dan 1987, kata jurucakap itu.

Jurucakap itu juga berkata pandangan bahawa Singapura memperolehi keuntungan dengan menjual semula air kepada Johor adalah "salahlapor fakta."

Singapura membelanjakan RM2.40 untuk merawat setiap 1,000 gelen air dan dijual dengan harga 50 sen kepada Johor yang mengenakan bayaran RM3.95 kepada pengguna bagi jumlah yang sama, kata jurucakap itu.

-- BERNAMA

TCL TCL FAZ